



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

TEKS UCAPAN PERASMI

**YBRS. LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK
PENGARAH
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

SEMPENA:

**PROGRAM INNOVATION TO COMMUNITY (IN2C)
POLITEKNIK MERLIMAU**

ANJURAN:

**UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIAL
POLITEKNIK MERLIMAU**

**TARIKH/MASA:
17 JULAI 2026 (JUMAAT)**

**TEMPAT:
MASJID ASY-SYUJA'AH, MERLIMAU BARAT**

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,
Melaka Sayang Rakyat,
Salam PMMWarriors.

SALUTASI

Yang Berusaha Encik Norhafiz Bin Haron

Tuan Pengerusi Masjid Asy-Syuja'ah, Merlimau Barat.

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) Politeknik Merlimau
Melaka

Yang Berusaha Dr. Aspalilla Binti Main

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Politeknik Merlimau
Melaka

Serta:

- a)** Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam
- b)** Ketua-Ketua Jabatan
- c)** Pengerusi Jawatankuasa Projek Pelajar

- d) Wakil-wakil Masjid Asy-Syuja'ah, Merlimau Barat
- e) Jawatankuasa Pelaksana Program IN2C
- f) Pelajar-pelajar
- g) Dan hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

PEMBUKA BICARA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini sempena Program Innovation to Community (IN2C) anjuran Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial, Politeknik Merlimau Melaka.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Masjid Asy-Syuja'ah serta seluruh jawatankuasa masjid atas kesudian menerima kehadiran warga Politeknik Merlimau Melaka bagi menjayakan program yang amat bermakna ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial, Jabatan Kejuruteraan Awam, barisan penyelidik, pensyarah, pelajar serta semua jawatankuasa pelaksana yang telah bertungkus-lumus merancang dan melaksanakan program ini dengan penuh komitmen.

4. Hadirin sekalian, Program pada hari ini membuktikan bahawa institusi TVET bukan sahaja berperanan melahirkan graduan yang kompeten, malah menjadi pusat penghasilan inovasi yang mampu memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat.

TUJUAN PROGRAM

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian,

5. Program Innovation to Community (IN2C) merupakan satu inisiatif pemindahan teknologi dan inovasi yang bertujuan membawa hasil penyelidikan warga Politeknik ke dalam kehidupan masyarakat. Program ini memberi peluang kepada pensyarah dan pelajar untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta kemahiran teknikal dalam menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi oleh komuniti.
6. Pada hari ini, kita berasa amat berbangga kerana dapat memperkenalkan produk inovasi Duolift Trolley with Hookchain, iaitu sebuah troli pengangkat manual yang direka khas bagi membantu proses mengangkat, mengalih dan mengendalikan beban berat dengan lebih mudah, selamat dan sistematik.
7. Produk ini direka khas bagi membantu proses pemindahan bahan seperti pasir, simen dan batu bata dengan lebih mudah, selamat dan sistematik. Sistem hookchain yang digabungkan dengan hand winch membolehkan beban diangkat dan diturunkan secara terkawal tanpa memerlukan penggunaan tenaga fizikal yang berlebihan.

8. Selain itu, reka bentuknya yang kukuh dengan penggunaan rangka keluli serta sistem roda yang stabil menjadikan troli ini sesuai digunakan di tapak pembinaan, bengkel, gudang dan pelbagai lokasi kerja yang memerlukan pengendalian beban berat.
9. Apa yang lebih membanggakan ialah inovasi ini merupakan hasil kreativiti dan kepakaran pensyarah bersama pelajar Politeknik Merlimau Melaka. Inilah bukti bahawa pendidikan TVET mampu melahirkan penyelesaian yang praktikal, inovatif dan memenuhi keperluan masyarakat serta industri.

KEPENTINGAN INOVASI

Hadirin yang saya hormati,

10. Kemajuan sesebuah negara tidak hanya bergantung kepada teknologi yang canggih semata-mata, tetapi juga kepada keupayaan menghasilkan inovasi yang mampu menyelesaikan masalah harian masyarakat.
11. Saya percaya inovasi seperti Duolift Trolley with Hookchain mampu membantu mengurangkan risiko kecederaan akibat kerja-kerja mengangkat beban secara manual di samping meningkatkan produktiviti pengguna.
12. Lebih penting lagi, projek ini turut memberi peluang kepada para pelajar untuk mempelajari proses penyelidikan, reka bentuk, pembangunan produk serta pengujian inovasi dalam situasi

sebenar. Pengalaman sebegini merupakan nilai tambah yang sangat penting dalam melahirkan graduan TVET yang berdaya saing, kreatif dan memenuhi kehendak industri.

13. Pada masa yang sama, program ini turut memperkukuhkan hubungan strategik antara Politeknik Merlimau Melaka dengan komuniti setempat melalui perkongsian ilmu, teknologi dan kepakaran.
14. Saya berharap lebih banyak hasil penyelidikan dan inovasi dapat diterjemahkan kepada program-program pemindahan teknologi seperti ini supaya manfaatnya dapat dirasakan oleh masyarakat secara lebih meluas.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

15. Sesungguhnya kejayaan sesuatu inovasi bukanlah diukur melalui penciptaannya semata-mata, tetapi sejauh mana inovasi tersebut mampu dimanfaatkan oleh masyarakat. Justeru, saya berharap Program Innovation to Community (IN2C) ini akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak kerjasama antara Politeknik Merlimau Melaka, komuniti, industri serta agensi-agensi berkaitan dalam membudayakan penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.

16. Saya juga berharap agar usaha murni seperti ini akan diteruskan pada masa hadapan demi memperkukuhkan agenda TVET negara serta menyokong aspirasi Malaysia MADANI dalam melahirkan masyarakat yang berilmu, berkemahiran dan berdaya inovasi.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini.

PERASMIAN

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Innovation to Community (IN2C) Tahun 2026 serta melancarkan produk inovasi "Duolift Trolley with Hookchain" hasil penyelidikan dan inovasi warga Politeknik Merlimau Melaka.
18. Semoga program ini mencapai segala objektif yang dirancang dan memberi manfaat yang berpanjangan kepada komuniti serta negara.
19. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.